

25 MAY 1998

Hassan-Industri

TIADA INDUSTRI DI S'GOR TERJEJAS AKIBAT MASALAH AIR

SHAH ALAM, 25 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri Selangor memberi jaminan bahawa tiada industri yang menghadapi masalah berhubung bekalan air di negeri itu sehingga menyebabkan mereka terpaksa menutup kilang mereka.

Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar berkata kerajaan sentiasa mengambil berat berhubung keperluan sektor industri dan memastikan mereka mendapat bekalan air secukupnya serta tidak terbabit dengan catuan air.

Katanya beliau hanya menerima satu atau dua aduan daripada kilang-kilang berhubung masalah air dan pihaknya telah menangani masalah itu dengan segera.

"Ini selaras dengan jaminan saya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa tiada industri yang akan terjejas dengan masalah bekalan air di negeri ini," katanya dalam sidang berita selepas menghadiri majlis sambutan ulangtahun ke-10 Matsushita Television Co (Malaysia) Sdn Bhd di sini hari ini.

Semalam Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata kementerian menerima aduan daripada beberapa syarikat berhubung masalah bekalan air di beberapa negeri yang menjejaskan operasi syarikat terbabit.

Abu Hassan berkata beliau tidak menerima sebarang laporan mengenai syarikat yang ditutup atau membuang pekerja untuk mengurangkan pengeluaran syarikat kerana menghadapi masalah berhubung bekalan air.

Sementara itu, pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Krisis Air Selangor, Datuk Hashim Meon yang ditemui selepas sidang berita itu berkata pada waktu ini kerajaan negeri turut menyalurkan air tasik yang diproses kepada kilang-kilang untuk kegunaan mereka.

Katanya air dari tasik belum dapat disalurkan untuk kegunaan orang ramai kerana Jabatan Kesihatan masih belum dapat menentukan sekiranya ia sesuai untuk diminum.

-- BERNAMA

AZH AKD